

PM cabar buat tuduhan terbuka

penunggan

JIAPA yang merendiri kerana Allah, saya Allah menganglarjat dirinya.

Hadis riwayat Abi a dari Abi Hurairah.

Oleh Syahbudin Abdullah

MEMBAKUT (Sabah) 4
April - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencabar golongan yang mendakwa beliau memiliki harta di Sabah supaya tampil membuat tuduhan secara terbuka.

Berucap di hadapan penduduk - penduduk Kampung Pimping, dekat sini, Perdana Menteri berkata, sekiranya golongan itu benar - benar berani, mereka hendaklah membuat dakwaan secara terus terang dan jangan secara bisik-bisik.

"Orang yang berbohong sahaja yang tidak berani. Mereka tidak berani buat dakwaan," katanya.

"Kita telah biasa dan tahu akan kejujuran Berjaya. Sebaliknya pengalaman dengan USNO telah menempuh satu perkara yang tidak seharusnya dibuat oleh sebuah komponen Barisan Nasional," katanya.

Perdana Menteri memberitahu, parti USNO pernah menikam Barisan Nasional dari belakang semasa parti itu masih menjadi komponen Barisan Nasional dengan membuat berbagai tohmah terhadap Kerajaan Pusat.

Beliau juga berbangga dengan pencapaian pembangunan yang diperolehi oleh Berjaya dan menyeru rakyat supaya memberi mandat kepada parti itu memerintah semula untuk dapat meneruskan kemajuan - kemajuan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang melawat sehari ke Sabah menambah, golongan inilah yang sebenarnya mengumpul harta di negeri ini tanpa memikirkan rakyat semasa mereka berkuasa dahulu.

Perdana Menteri berkata, sokongan beliau terhadap Kerajaan Berjaya adalah kerana Kerajaan Pusat berpuas hati terhadap corak pemerintahan Berjaya yang memberi komitmen penuh kepada pembangunan negeri ini serta rakyat.

Di samping itu, tambah beliau, Kerajaan Berjaya juga sentiasa berhubung rapat dengan Kerajaan Pusat, tidak seperti semasa USNO memerintah negeri ini dahulu.

Sebagai contoh, katanya, "semasa saya melawat negeri ini ketika menyandang jawatan Menteri Pelajaran dalam tahun 1975 dahulu, tidak seorang pun dari menteri-menteri kerajaan USNO menyambut saya tetapi sekarang adalah berlainan."

"Maka itulah sebabnya ada pihak yang tidak senang hati melihat sokongan kuat Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri Sabah lalu mereka membuat berbagai cerita fitnah," katanya.

Perdana Menteri lalu menyeru rakyat negeri ini supaya menentukan Parti Berjaya akan terus berjaya dan menjadi kerajaan di Sabah selepas pilihanraya negeri pada 20 dan 21 April ini.

Beliau mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat hanya menyokong Parti Berjaya serta meyakinkan bahawa Kerajaan Pusat dan Barisan Nasional tidak ada kerjasama dengan parti-parti lain kecuali Berjaya sama ada Berjaya akan menang atau kalah.

Kerajaan Barisan Nasional, katanya, berhasrat untuk menerapkan nilai-nilai Islam ke Negeri Sabah tanpa mengganggu agama lain seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, orang yang baru bertanding dalam pilihanraya kecil Tambunan telah membuat berbagai cerita karut tentang perkembangan Islam di negeri ini, tetapi telah membuat bisik-bisik untuk mendapatkan undi orang-orang Islam.

Beliau juga telah membongkar berbagai kelemahan lain semasa USNO memerintah negeri ini termasuk sikap mementingkan diri sendiri dengan membiarkan rakyat hidup sengsara.

Katanya, tidak siapa boleh menafikan bahawa sejak Allahyarham Tun Fuad Stephen mengambil alih kerajaan, Sabah membangun dengan pesat untuk kebaikan rakyat dengan memberikan jalan raya, sekolah, klinik, elektrik dan air paip.

Kerajaan Berjaya juga menggunakan wang dari pungutan cukai yang tinggi

SAMBUNGAN DARI MUKA/1

PM cabar buat tuduhan terbuka

terhadap kayu batak untuk pembangunan tidak seperti semasa kerajaan USNO, banyak jenis cukai termasuk cukai pendapatan yang tidak dibayar.

Mengenai soal demokrasi Perdana Menteri menjelaskan, Kerajaan Berjaya terlalu bermurah hati kerana membenarkan sehingga 220 orang bertanding dalam pilihanraya ini dengan calon Berjaya hanya 48 orang.

Parti Berjaya, katanya, tidak takut dengan jumlah calon pembangkang seramai 172 orang dan sanggup memberi peluang kepada mereka untuk bertanding kerana Berjaya faham bahawa rakyat telah tahu membuat perbandingan.

Perdana Menteri sekali lagi menjelaskan bahawa pengambilan Pulau Labuan oleh Kerajaan Persekutuan adalah bagi menguntungkan Negeri Sabah yang mana peruntukan kewangan untuk pulau itu disalurkan untuk membangunkan negeri ini.

Kerajaan Pusat, katanya, tidak memperolehi keuntungan dengan mengambil alih pentadbiran pulau itu kecuali cukai-cukai yang tidak cukup untuk membiayai kos pentadbiran.

Beliau juga berkata bahawa penyakit kafir-mengkafir sesama Islam yang didapati oleh sebuah parti politik di Semenanjung telah menular ke Sabah.

LIHAT MUKA 6